

21 JAN 1998

Colombia-Dagangan

COLOMBIA BERMINAT ADAKAN DAGANGAN TERUS DENGAN MALAYSIA

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Colombia, sebuah negara ekonomi Latin Amerika yang baru muncul, berminat untuk mengimport lebih banyak barangan dan perkhidmatan dari Malaysia, memandangkan harga yang lebih murah sekarang berikutan susut nilai ringgit berbanding dolar Amerika.

Duta Colombia ke Malaysia, Arturo Infante berkata firma kejuruteraan Malaysia boleh menawarkan perkhidmatan kepada Colombia pada kadar yang lebih baik berbanding dengan negara-negara lain.

Beliau berkata syarikat tersebut boleh menyertai projek penswastaan pelabuhan, lapangan terbang, kereta api, jalan raya dan penjanaan tenaga elektrik yang dilaksanakan di negara itu.

"Kepakaran Malaysia dalam bidang itu boleh digunakan dan banyak syarikat Malaysia telah menunjukkan minat," kata beliau kepada Bernama dalam satu temu bual menjelang lawatan empat hari Menteri Luar Colombia, Maria Emma Mejia ke Malaysia mulai Sabtu ini.

Infante berkata sebuah syarikat Malaysia pada masa ini sedang dalam proses menender sebuah projek lebuh raya di Colombia.

Beliau berkata walaupun dengan kemelut ekonomi yang berlaku di rantau ini, yang turut melibatkan Malaysia, Colombia masih boleh mengadakan dagangan terus dengan Malaysia.

"Kita boleh mengadakan dagangan import dan eksport," katanya.

Infante berkata dia telah mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai Petronas, berkaitan kemungkinan syarikat itu mengadakan carigali minyak di Colombia.

"Malaysia mempunyai simpanan gas yang baik, tetapi tidak minyak, manakala kami pula mempunyai minyak, oleh itu kita boleh bertukar-tukar gas dan minyak," kata beliau.

Beliau juga berkata syarikat Malaysia dan Colombia boleh mengadakan usaha sama untuk mengambil peluang dalam sektor minyak sawit.

Colombia, dengan 140,000 hektar ladang kelapa sawit berbanding dengan 2.7 juta hektar di Malaysia, adalah pengeluar minyak sawit yang keempat terbesar, mengeluarkan 400,000 tonne setahun, manakala Malaysia mengeluarkan 9 juta tonne setahun.

Infante berkata untuk membolehkan Colombia mempunyai kuasa tawar menawar di pasaran antarabangsa, negara itu merancang untuk meningkatkan pengeluaran tahunan minyak sawitnya kepada 1 juta tonne.

"Syarikat Malaysia berminat kerana mereka boleh melihat pasaran bagi minyak sawit, seperti di China dan India yang menggunakan banyak minyak sawit," katanya.

Beliau berkata Colombia terletak pada "kedudukan terbaik" untuk mengembangkan pasaran minyak sawit ke Amerika Selatan dan Amerika Utara.

"Pada masa ini, kami sedang berbincang (dengan Malaysia) pada peringkat ujian bagi beberapa urusan perniagaan untuk mengembangkan pengeluaran minyak sawit," kata Infante.

Beliau berkata Colombia akan mendapatkan bantuan daripada Bank Dunia untuk membantunya melaksanakan projek itu.

Infante menegaskan dalam tahun 1996 Colombia telah membelanjakan AS\$1 bilion untuk memerangi masalah dadah.

Berkaitan dengan lawatan Mejia, beliau berkata, menteri luar itu akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan beliau juga akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri, Dr Lim Keng Yaik. --

BERNAMA  
ES RI